

Suspek kes bunuh Nurul Asikin direman lanjut hingga 29 Disember

KUCHING: Mahkamah Tinggi di sini, semalam membenarkan lanjutan reman selama tujuh hari iaitu sehingga 29 Disember 2024 ke atas lelaki berusia 23 tahun yang disyaki membunuh Nurul Asikin Lan.

Penolong Pendaftar Mahkamah Tinggi Kuching Nurshaheeqa Nazwa Radzali memerintahkan demikian berikutan tempoh tahanan reman ke atas suspek sebelum ini tamat semalam.

Suspek ditahan bagi membantu siasatan polis di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan.

Mayat Nurul Asikin yang dalam keadaan reput ditemui orang awam di dalam parit di Jalan Setia Raja dekat sini sekitar jam 9 malam pada 14 Disember, membawa kepada



REMAN LANJUT: Suspek diiringi polis ketika beredar dari Mahkamah Kuching, semalam. — Gambar Galileo Petaling

penahanan suspek pada hari yang sama.

Ketua Polis Daerah Kuching ACP Mohd Farhan Lee Abdullah dalam satu kenyataan pada

Rabu memberitahu ujian asid deoksiribonukleik (DNA), mengesahkan mayat itu adalah Nurul Asikin.

Suspek kes bunuh Nurul Asikin direman lanjut hingga 29 Disember

► Dari Muka 1

Sementara itu, Pesuruhjaya Polis Sarawak Dato Mancha Ata berkata, berdasarkan pengakuan suspek kepada polis ketika disoal siasat, dia didakwa membunuh mangsa kerana memerlukan wang untuk membayar kos perjalanan ke Kemboja bagi menonton perlawanannya bola sepak antara

Malaysia dan Kemboja.

Beliau berkata, ia merupakan perlawanannya Malaysia pada Kejohanan Piala Mitsubishi Electric ASEAN 2024 di Phnom Penh, Kemboja pada 8 Disember lalu.

Macha menambah, suspek telah meminta barang kemas si mati iaitu gelang dan anting-anting emas untuk digadai.

“Motif pembunuhan tersebut diketahui selepas suspek yang kini ditahan reman mengaku melakukan perbuatan itu (membunuh mangsa) semasa disoal siasat.

“Suspek juga mengaku mengambil barang kemas mangsa iaitu gelang tangan emas dan anting-anting emas untuk digadai,” kata Macha.